

**BERITA ONLINE**  
**BERITA HARIAN**  
**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)**



## Tiada lagi keperluan PPV mega beroperasi - KJ

Oleh [Safeek Affendy Razali](#) - Oktober 4, 2021 @ 12:31am  
[safeek@bh.com.my](mailto:safeek@bh.com.my)



Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin (depan empat kiri), bergambar bersama wakil-wakil agensi yang terbabit pada majlis penutupan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL). Turut serta Pengarah Eksekutif WTCKL, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim (depan tiga, kiri). - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Pusat Pemberian Vaksin (PPV) mega di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini, ditutup secara rasminya malam tadi.

Keputusan itu diambil selepas sebahagian rakyat negara ini sudah menerima vaksinasi.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin, berkata kewujudan PPV mega sudah mencapai matlamatnya untuk memberi vaksin kepada rakyat dalam jumlah yang besar setiap hari.

"PPV mega seperti WTCKL ini sudah mencapai matlamat dan hari ini kita tutup PPV yang paling banyak memberikan vaksinasi di Malaysia."

"Kita juga pada masa ini sedang menutup PPV lain secara berperingkat mengikut keperluan di sesebuah kawasan," katanya selepas secara simbolik menutup pintu PPV AstraZaneca Malaysia di WTCKL, malam tadi.

Sebanyak 1.2 juta dos vaksin diberikan di PPV berkenaan sepanjang beroperasi selama 150 hari sejak 5 Mei lalu.

Khairy berkata, beberapa PPV masih dibuka bagi program vaksinasi remaja, manakala klinik kerajaan dan swasta akan dijadikan PPV melibatkan dos ketiga dan dos penggalak.

Beliau berkata, kementeriannya akan bermesyuarat dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk membincangkan supaya beberapa PPV lain terus dibuka khusus untuk mereka yang masih belum menerima vaksin atau warga asing.

Terdahulu, Khairy berterima kasih kepada semua petugas Barisan Hadapan dan sukarelawan yang berkhidmat di PPV itu.

"Paling istimewa sekali di Lembah Klang, angka jangkitan sudah mula menurun dengan sangat mendadak selepas hari ini kita lihat jumlah kes 9,000 sehari berbanding kemuncaknya semasa saya baru dilantik ada lebih 23,000 kes.

"Ini sebab anda semua, apa yang anda buat selamatkan nyawa," katanya.



Sementara itu, Pengurus PPV WTC dan Lembah Klang Dr Husni Za'eem Abdul Hadi, 35, berkata PPV Mega itu yang khusus dalam memberi vaksin COVID-19 jenis AstraZeneca, melalui cabarannya tersendiri dalam melaksanakan proses vaksinasi kepada rakyat di negara ini.

Beliau berkata, menguruskan pemberian sejumlah 18,000 dos vaksin sehari adalah antara pengalaman berharga yang beliau tidak akan lupakan.

"Memang ada perasaan gembira, sedih dan bangga, serta pengalaman berharga bercampur baur bagi semua petugas di sini. Kami juga hadapi cabaran membabitkan

rang ramai yang hadir di sini dari segi pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan pengawalan khalayak.

"Ini kerana kami pernah menguruskan sejumlah 18,000 dos vaksin dalam tempoh sehari," katanya.

Dr Husni Za'eem turut berkongsi gembira atas kejayaan PPV Mega tersebut dalam usaha meningkatkan kadar vaksinasi, di samping menjadi panduan pada masa akan datang dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai.

Penolong Pegawai Perubatan PPV WTC, Mohd Hazani Hassim, 40, turut berkongsi pengalaman di PPV tersebut sepanjang tempoh beliau bertugas, berhadapan dengan individu yang mempunyai pelbagai ragam.

"Memang mencabar sepanjang saya bertugas di sini, ada individu yang perlu dengan menyoal saya sama ada picagari itu diisi air, ada juga yang tidak patuh pada SOP dan sebagainya.

"Walaubagaimanapun, kami di sini terus menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan dedikasi," katanya yang berkhidmat selama 18 tahun dalam sektor perkhidmatan awam.

Ketua Platur RELA Salmiah Umar, 55, pula bersyukur proses vaksinasi dapat dilaksanakan dengan jayanya, sepanjang tempoh PPV itu beroperasi.

"Perasaan saya bercampur baur, ada masa gembira dan sebaliknya. Saya bersyukur dan gembira melihat penerima yang hadir di sini menerima suntikan vaksin," katanya yang turut menasihati orang ramai untuk sentiasa mematuhi SOP, meskipun sudah lengkap menerima suntikan bagi melindungi diri serta masyarakat.

